

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JANUARI 2022

AKHBAR : HARIAN METRO

CAPAIAN : [99,056 peneroka setuju tandatangan perjanjian pelarasan pinjaman \(hmetro.com.my\)](https://www.hmetro.com.my)

99,056 peneroka setuju tandatangan perjanjian pelarasan pinjaman



Kuala Lumpur: Seramai 99,056 peneroka bersetuju menandatangani perjanjian pelarasan pinjaman yang ditawarkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) setakat 30 November 2021.

Felda memaklumkan, jumlah peneroka yang menyatakan persetujuan untuk menerima inisiatif itu merekodkan peningkatan, berbanding ketika ia diumumkan buat pertama kali pada Julai tahun lalu.

"Setakat 30 November 2021, 99,056 peneroka sudah bersetuju menandatangani perjanjian pelarasan pinjaman ditawarkan Felda.

"Jumlah ini adalah peningkatan hampir 12 peratus berbanding peneroka yang bersama Felda sebelum inisiatif ini ditawarkan pada 7 Julai 2021," katanya kepada BH.

Julai tahun lalu, bekas Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan keputusan kerajaan yang secara dasar bersetuju melupuskan sebahagian pinjaman peneroka FELDA berjumlah RM8.3 bilion sebagai inisiatif penjana semula organisasi berusia 65 tahun itu.

Pelupusan pinjaman melalui inisiatif pelarasan pinjaman secara bersyarat itu akan mengurangkan bebanan pinjaman setiap peneroka secara purata sebanyak 80 peratus.

Pada Ogos tahun lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed memaklumkan, 58,481 daripada 95,236 peneroka FELDA di seluruh negara yang masih mempunyai hutang dengan lembaga itu menyatakan persetujuan terhadap cadangan pelupusan sebahagian pinjaman terbabit.

Mengulas pendekatan yang dilakukan FELDA membabitkan peneroka yang tidak menandatangani perjanjian berkenaan, katanya, organisasi itu akan terus berusaha meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka melalui pelbagai inisiatif lain, antaranya Ladang Lestari 2523.

"Menerusi inisiatif ini, pelbagai penambahbaikan dilaksanakan termasuk memperkasa mekanisasi, memperkenalkan 'smart fertilizer' serta penggunaan teknologi melalui 'Smart Plantation Management Solution (SPMS)' yang akan mengurangkan kos operasi.

"Selain itu, penggunaan baka anak benih baharu yang mempunyai produktiviti lebih tinggi dan mewujudkan Jabatan Inspektorat Perladangan bagi menyelesaikan isu di ladang peneroka dengan segera," katanya.

Menurutnya, kesemua usaha ini akan meningkatkan keyakinan peneroka terhadap pengurusan FELDA dan akan membolehkan mereka kembali kepada organisasi itu.

"Kebersamaan ini akan membolehkan pengurusan ladang dilaksanakan dengan lebih berkesan dengan mengambil kira ekonomi bidangan yang mampu mengurangkan kos operasi secara keseluruhannya selain mengurangkan risiko penularan penyakit dan haiwan perosak," katanya.

